

01/05/1998

Pekerja perlu tabah hadapi cabaran

KUALA LUMPUR, Khamis - Pekerja di negara ini harus terus tabah dan sabar dalam menghadapi dugaan serta cabaran daripada kesan kegawatan ekonomi sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja esok, Perdana Menteri mahu pekerja menerima hakikat perbelanjaan kerajaan terpaksa dikurangkan akibat kegawatan ekonomi.

Rakyat pula harus bersyukur kerana pekerja di negara ini tidak mengalami nasib seburuk rakan mereka di negara lain walaupun jumlah pendapatan tidak lagi seperti dulu.

"Kita sekarang terpaksa mengikat perut sedikit untuk memastikan negara kita terus dapat membangun seperti biasa," katanya sambil menambah, kerajaan amat bangga dengan sikap dan pendirian pekerja kerana sepanjang tempoh kegawatan ekonomi ini, mereka bersama-sama menanganinya.

Menurutnya, pekerja di negara ini tidak melakukan apa-apa tindakan yang boleh memburukkan lagi suasana ekonomi. Mereka begitu bersatu padu dan penuh disiplin serta bertanggungjawab menghadapi masalah ini.

Sambil memuji kesatuan sekerja kerana memahami keadaan yang menimpa negara sekarang, Dr Mahathir berkata pekerja tahu masalah yang dialami sekarang berpunca daripada perbuatan asing.

Kejatuhan nilai mata wang dan nilai saham yang sengaja dilakukan oleh spekulator asing menyebabkan ekonomi negara jatuh.

Beliau meminta pekerja sedar mengenai petanda ada cubaan pihak tertentu dari luar hendak menjajah semula negara ini secara halus. Mereka tidak menggunakan kekuatan tentera atau politik, sebaliknya menggunakan kuasa ekonomi.

"Kita sudah melihat apa yang berlaku kepada negara yang lemah ekonominya di rantau ini yang sudah jatuh ditimpa tangga. Ekonomi lemah akibat kejatuhan nilai mata wang dan saham syarikat mereka malah negara itu terus ditekan dengan begitu teruk sekali."

"Banyak perniagaan mereka dipaksa tutup dan ramai pekerja diberhentikan. Sudah tentu kita tidak mahu keadaan seperti ini berlaku ke atas negara kita," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani kegawatan ekonomi itu. Tindakan sedang diambil untuk menghidup dan meningkatkan semula kegiatan ekonomi negara yang terbantut.

Pelbagai langkah dibuat dalam urusan sistem kewangan negara termasuk menyediakan kemudahan kredit bertujuan memajukan kegiatan ekonomi.

(END)